

TARIKH : 13 MEI 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17

Kelahiran bayi lelaki melebihi perempuan

Penduduk Malaysia suku pertama 2020 naik 0.6 peratus kepada 32.73 juta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penduduk Malaysia bagi suku tahun pertama tahun ini dianggarkan 32.73 juta, meningkat 0.6 peratus berbanding suku pertama tahun lalu, demikian menurut Perangkaan Demografi bagi suku pertama 2020.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah itu merangkumi 29.62 juta atau 90.5 peratus warganegara, manakala 3.12 juta (9.5 peratus) bukan warganegara.

"Pada suku pertama 2020, penduduk lelaki meningkat daripada 16.81 juta orang kepada 16.90 juta orang, manakala perempuan meningkat daripada 15.72 juta orang kepada 15.84 juta orang bagi tempoh sama.

"Nisbah jantina kekal pada 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor kekal mencatatkan penduduk paling ramai pada suku tahun pertama 2020 dengan 6.57 juta, manakala Labuan mencatatkan penduduk terendah iaitu 99,600," katanya dalam satu senyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, sebanyak 115,439 kelahiran hidup direkodkan suku pertama tahun ini, menurun 1.6 peratus berbanding suku pertama tahun lalu dengan kelahiran bayi lelaki iaitu seramai 59,675 orang, melebihi bayi perempuan (55,764).

Katanya, Selangor kekal mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 22,023 kelahiran (19.1 peratus), manakala Labuan mencatatkan jumlah

kelahiran hidup terendah iaitu 417 atau 0.4 peratus.

"Sebanyak 43,226 kematian direkodkan meningkat 0.5 peratus berbanding suku pertama tahun lalu dengan 24,659 kematian adalah lelaki, manakala 18,567 kematian adalah perempuan.

"Bagi tempoh sama, Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 6,783 kematian (15.7 peratus) manakala Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 51 kematian sahaja (0.1 peratus)," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, penduduk berusia 0-14 tahun menurun daripada 7.63 juta kepada 7.53 juta, manakala usia 15-64 tahun meningkat daripada 22.74 juta kepada 22.95 juta.

"Penduduk berusia 65 tahun ke atas turut meningkat daripada 2.16 juta kepada 2.26 juta bagi tempoh yang sama. Trend ini adalah selari dengan negara maju yang menuju ke arah penuaan penduduk," katanya.



Nisbah jantina kekal pada 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor kekal mencatatkan penduduk paling ramai pada suku tahun pertama 2020 dengan 6.57 juta, manakala Labuan mencatatkan penduduk terendah iaitu 99,600.

**Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan**